

Selamat Datang ke Bandar Taito vol. 4

ようこそ豊田区へ 其の四

マレー語
Bahasa Melayu



ASAKUSABASHI

Pengalaman sebenar
(Rasa, sentuh, makan)
di Bandar Taito

浅草橋

Kawasan Asakusabashi merupakan kawasan yang pesat membangun sejak zaman Edo sebagai pusat komersial dan lalu lintas, menggunakan kekayaan semula jadi Sungai Sumida. Shogun Tokugawa membina pintu besar di sini yang dinamakan sebagai "Asakusa-Mitsuke" yang menjadi pertahanan penting Istana Edo.

Pada masa kini, kawasan ini dipenuhi masyarakat komersial yang terdiri daripada pelbagai pemberong dan peruncit seperti kedai patung tradisional. Kawasan ini menarik pengunjung daripada pelbagai latar belakang.



Bersiar-siar dan Berjalan-jalan di Sekitar Asakusabashi

浅草橋の見る・遊ぶ

Kawasan Membeli-belah Edo Dori (Lorong Edo) 江戸通りショッピングエリア



Terdapat pelbagai barisan kedai yang menarik di kawasan ini terutamanya kedai patung Jepun yang mudah menarik perhatian pengunjung di sekitar Stesen Asakusabashi. Pelbagai pilihan patung berpakaian kimono cantik memukau pengunjung. Kedai kraf tangan juga terkenal dengan barang-barang berharga yang murah dan hasil kerja tangan yang halus dihiasi dengan manik. Pelancong asing juga harus singgah di kedai alat tulis dan barang runcit di sepanjang lorong ini yang menawarkan komoditi serta barang-barang berharga rendah yang boleh dijadikan sebagai cenderahati berharga dari Jepun.



Akses: Stesen Asakusabashi kereta api bawah tanah Toei (Laluan Asakusa) JR, Stesen Kuramae kereta api bawah tanah Toei (Laluan Oedo) JR

Pemandangan Tepian Sungai 川辺の風景



Di sepanjang tebing Sungai Kanda, terdapat banyak rumah kapal yang dinamakan sebagai Funayado. Beroperasi sepanjang tahun, armada "Yakatabune" - rumah kapal Jepun bergaya lama - boleh dinaiki untuk lawatan sekitar Tepian Air Tokyo. Pengunjung boleh merasakan keindahan suasana pemandangan malam metropolis Tokyo sambil menaiki rumah kapal dan menikmati makanan Jepun.

Akses: Berjalan kaki selama 5 minit dari stesen Asakusabashi Kereta api bawah tanah Toei (Laluan Asakusa) JR

Nombor Untuk Dihubungi

Pertanyaan Tentang Lawatan Bersia-siar

Putus Informasi Pelancong Kebudayaan Asakusa.....	03-3842-5566
Kelab Tokyo SGG.....	03-6280-6710
(Dibuka Setiap Hari 9:30 pg – 5:00 ptg)	
JTNO TIC.....	03-3201-3331
Putus Informasi Pelancong Tokyo	
Ibu Pejabat Bangunan TMG	03-5321-3077
Basuta Shinjuku	03-6274-8192
Cawangan Lapangan Terbang Haneda	03-6428-0653
Cawangan Keisei Ueno	03-3836-3471

Pengangkutan

Informasi Penerangan

Lapangan Terbang Antarabangsa Tokyo (Haneda)....	03-5757-8111
Lapangan Terbang Antarabangsa Baharu Tokyo (Narita)....	0476-34-8000
JR Timur	050-2016-1603

"Megurin" Lingkaran Bas Bandar Taito

Bandar Taito menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan menggunakan bas dinamakan sebagai "Megurin". Menyambungkan tumpuan utama seperti Asakusa dan Stesen Ueno dalam satu arah, Megurin tiba setiap 15 minit untuk setiap laluan antara arah utara, selatan, laluan timur-barat dan laluan utara-selatan.

Tambang adalah JPY100 satu arah untuk dewasa dan juga kanak-kanak. Tiket lain seperti Kad Bas adalah tidak diterima. Kad perjalanan harian berharga: JPY300.

Daerah Asakusabashi mempunyai banyak kawasan kuil dan tanah hak milik peribadi.

Kami berharap anda seronok meneroka kawasan ini tetapi sentiasa beringat untuk berbudi bahasa dan berkelakuan baik. Terima kasih atas kerjasama anda.

Penerbit ♦ Seksyen Pelancongan Pejabat Bandar Taito, 4-5-6, Higashi-Ueno, Taito-Ku, Tokyo 110-8615 ♦ <http://www.city.taito.lg.jp/>

Taito Odekake Navi (Laman Web Maklumat Pelancongan Bandar Taito) ♦ <http://taitonavi.jp/>

Visit Authentic Tokyo (Laman Web Informasi Pelancong Bandar Taito) ♦ <http://authentic-tokyo.com>

* Sila ambil maklum bahawa kandungan, nama dsbnya mungkin telah berubah apabila panduan ini dikeluarkan.

Muzium Edo-Tokyo 江戸東京博物館



Dengan populasi seramai 1.3 juta orang, Edo - nama asal Tokyo - merupakan bandar terbesar dan paling makmur di dunia pada abad ke-18. Kemudahan bandarnya yang efisien telah wujud pada zaman tersebut seperti bekalan air, jaringan lalu lintas yang menggunakan lorong air dan perancangan teratur untuk mengelakkan keselamatan. Pameran Muzium Edo-Tokyo memaparkan sejarah bandar ini dan kehidupan serta kebudayaan masyarakatnya.

Alamat: 1-4-1 Yokoami Sumida-Ku **Telefon:** 03-3626-9974

Akses: Berjalan kaki selama 3 minit dari stesen Ryogoku JR, berjalan kaki selama 1 minit dari Stesen Ryogoku kereta api bawah tanah Toei (Laluan Oedo) JR

Masa Operasi: 9:30 pg – 5:30 ptg (Sabtu 9:30 pg – 7:30 mlm) **Bayaran Masuk:** JPY600

Tutup: Isnin (Dibuka pada cuti umum kebangsaan dan ditutup pada hari berikutnya.)

* Waktu kemasukan terakhir ialah 30 minit sebelum masa ia ditutup.

Muzium Sumo 相撲博物館



Pertandingan gusti sumo diadakan sebanyak enam kali setahun dan tiga daripadanya diadakan di Kokugikan Ryogoku, Tokyo. Walaupun tiada pertandingan berlangsung semasa di luar musim, Muzium Sumo yang terletak dalam Kokugikan dibuka untuk memperkenalkan sukan kebangsaan Jepun ini.

Alamat: 1-3-28 Yokozumi Sumida-Ku **Telefon:** 03-3622-0366

Akses: Berjalan kaki selama 1 minit dari stesen Ryogoku JR, berjalan kaki selama 5 minit dari Stesen Ryogoku kereta api bawah tanah Toei (Laluan Oedo) JR **Masa Operasi:** 10:00 pg – 4:30 ptg

Bayaran Masuk: Percuma **Tutup:** Sabtu, Ahad dan cuti umum kebangsaan

* Waktu kemasukan terakhir ialah 30 minit sebelum masa tutup.

Muzium Alat Tulis Jepun 日本文具資料館



Muzium ini memperkenalkan produk alat tulis yang digunakan di Jepun sejak berabad-abad termasuk berus dakwat setinggi seorang manusia dan alat tulis boleh bawa yang digunakan ratusan tahun dahulu.

Alamat: 1-1-15 Yanagibashi Taito-Ku **Telefon:** 03-3861-4905

Akses: Berjalan kaki selama 5 minit dari stesen Asakusabashi kereta api bawah tanah Toei (Laluan Asakusa) JR **Masa Operasi:** 1:00 ptg – 4:00 ptg

Bayaran Masuk: Percuma **Tutup:** Sabtu, Ahad dan cuti umum kebangsaan

* Waktu kemasukan terakhir ialah 30 minit sebelum masa tutup.

Hotel

Persatuan Hotel dan Ryokan Taito	03-3834-2008
Asrama Antarabangsa Belia Tokyo.....	03-3235-1107

Maklumat Kemudahan Perubatan

Informasi Institusi Perubatan Metropolitan Tokyo (HIMAWARI)	03-5285-8181
---	--------------

Pusat Informasi Perubatan Antarabangsa AMDA 03-5285-8088

Kecemasan

Polis (panggilan dijawab dalam Bahasa Inggeris)03-3501-0110

